



Kewajaran Boikot Ekonomi Dalam Konteks Pemeliharaan Maqasid al-Syariah

The Legitimacy of Economic Boycotts in the Context of Preserving the Maqasid al-Shariah

ⁱMegat Mukhriz Megat Danuwa, ⁱAhmad An-Nazif Ahmad Fuad,

^{i*}Muhammad Aizat Mohamad Paisal, ⁱMohamad Haziq Haiqal Mohamad Dom & ⁱMohd Harifadilah Rosidi

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: muhdaizat@raudah.usim.edu.my

Article history:

Submission date: 12 Dec 2024

Received in revised form: 15 March 2025

Acceptance date: 27 April 2025

Available online: 13 July 2025

Keywords:

Boycott, Economy, Preservation, Maqasid al-Syariah, Conflict

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Mohamad Paisal, M. A., Megat Danuwa, M. M., Ahmad Fuad, A. A.-N., Mohamad Dom, M. H. H., & Rosidi, M. H. (2025). Kewajaran Boikot Ekonomi Dalam Konteks Pemeliharaan Maqasid al-Syariah: The Legitimacy of Economic Boycotts in the Context of Preserving the Maqasid al-Shariah. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 81–89. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.382>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC)

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [Intelligentia Resources](mailto:Intelligentia@resources.com).

SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



ABSTRACT

This study examines the justification for implementing boycott movements in Malaysia against companies associated with support for Israel, focusing on Shariah, economic, and sociopolitical analysis. The prolonged Palestinian-Israeli conflict has driven Malaysian society, particularly Muslims, to take solidarity actions through boycotts. However, the effects of such actions need to be evaluated academically to ensure that they align with the principles of *Maqasid al-Shariah* and do not result in greater harm. Through a qualitative research design using content analysis methods on primary and secondary sources, this study examines the legal framework related to muamalah with non-Muslims, the concept of *al-ta'āwun 'alā al-ithm wa al-'udwān*, and fiqh principles related to obligations and prohibitions in the context of boycotts. The findings indicate that a boycott becomes obligatory only when there is strong evidence that an entity provides direct support for oppression. However, its implementation may become makruh or haram if it is speculative, not based on authentic information, or if it causes greater harm to the local community. From an economic perspective, boycotts have a two-way impact, although they may lead to an increase in demand for local products. Data also show an increase in unemployment, the closure of franchise outlets, and a reduction in national revenue. From a sociopolitical perspective, boycotts without clear guidelines can lead to psychological pressure on workers, security disturbances, and the development of a culture of compliance without accountability. This study concludes that boycotts should be strategic, targeted, and well-informed, rather than seasonal or driven purely by sentiment. This is to ensure that they bring benefit and do not cause harm to the Muslim community or the national economy.



ABSTRAK

Kajian ini meneliti kewajaran pelaksanaan gerakan boikot di Malaysia terhadap syarikat yang dikaitkan dengan sokongan kepada Israel dengan memberi tumpuan kepada analisis Syariah, ekonomi dan sosiopolitik. Konflik Palestin-Israel yang berpanjangan telah mendorong masyarakat Malaysia, khususnya umat Islam, untuk mengambil tindakan solidariti melalui pemboikotan. Namun, kesan tindakan tersebut perlu dinilai secara ilmiah bagi memastikan ia selaras dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* dan tidak menimbulkan kemudaratan yang lebih besar. Melalui reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder, kajian ini meneliti kerangka hukum berkaitan muamalah dengan bukan Muslim, konsep *al-ta'āwun 'alā al-ithm wa al-'udwān*, dan kaedah fiqh berkaitan kewajipan serta larangan dalam konteks pemboikotan. Dapatan menunjukkan bahawa boikot hanya menjadi wajib apabila wujud bukti kukuh bahawa sesuatu entiti memberikan sokongan langsung kepada kezaliman, namun pelaksanaannya boleh menjadi makruh atau haram sekiranya bersifat spekulatif, tidak berasaskan maklumat sahih, atau membawa mudarat yang lebih besar kepada masyarakat setempat. Dari sudut ekonomi, boikot memberikan kesan dua hala walaupun terdapat peningkatan terhadap permintaan produk tempatan, data turut menunjukkan peningkatan pengangguran, penutupan cawangan francais serta penyusutan hasil negara. Dari aspek sosiopolitik pula, boikot tanpa garis panduan menyebabkan tekanan psikologi kepada pekerja, gangguan keselamatan dan wujudnya budaya ikut-ikutan tanpa tabayyun. Kajian ini merumuskan bahawa boikot haruslah bersifat strategik, terarah dan berinformasi bukannya bermusim atau didorong sentimen semata-mata, hal ini bagi memastikan ia memberi masalah dan tidak mencetuskan mafsadah terhadap umat Islam dan ekonomi negara.

Pendahuluan

Konflik antara Israel dan Palestin mempunyai akar sejarah yang kompleks dan berlarutan sejak lebih daripada tujuh dekad. Sepanjang tempoh tersebut, dasar penjajahan, pencerobohan ketenteraan serta pelbagai bentuk sekatan telah mengakibatkan kemusnahan ketara terhadap wilayah, infrastruktur dan kesejahteraan sosial rakyat Palestin (Bukhari, 2025; Eliandy *et al.*, 2023). Sehingga kini, krisis tersebut masih belum mencapai penyelesaian menyeluruh, sekali gus terus menimbulkan perhatian dan kebimbangan komuniti antarabangsa. Dalam konteks ini, pelbagai pertubuhan hak asasi antarabangsa turut menilai bahawa tindakan yang dikenakan terhadap rakyat Palestin memperlihatkan ciri-ciri penindasan sistematik, malah sebahagiannya diklasifikasikan sebagai bentuk genosid berdasarkan piawaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa (Astro Awani, 2025; Akjuwen, 2025).

Dalam konteks ini, terdapat banyak negara termasuklah pertubuhan masyarakat dan individu di seantero dunia menyuarakan sokongan terhadap usaha menghentikan kekejaman tersebut. Sidang kemuncak yang berlangsung pada September lalu oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada telah membincangkan cara untuk menyelesaikan konflik antara dua negara ini telah menjadi saksi bahawa majoriti negara seluruh dunia iaitu sebanyak 145 negara telah mengiktirafkan palestina sebagai negara yang Merdeka (Astro Awani, 2025). Bagi umat Islam khususnya, keprihatinan terhadap nasib saudara seagama adalah satu kewajipan terhadap setiap insan sebagaimana yang disebut oleh Abdullah bin Umar RA, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:



Terjemahan: Bahawa Abdullah bin Umar RA mengkhabarkan Rasulullah SAW bersabda: Seorang muslim saudara terhadap sesama muslim, tidak boleh menganiaya dan tidak akan membiarkan muslim lain dianiaya. Siapa yang menyampaikan hajat saudaranya, maka Allah akan menyampaikan hajatnya. Siapa yang melapangkan kesusahan seorang muslim, maka Allah akan melapangkan kesukarannya di hari kiamat, dan siapa yang menutup aib seorang muslim di dunia, maka Allah akan menutup aibnya di hari kiamat.

(Sahih al-Bukhari Hadis (2262))

Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t) dalam Fath al-Bari menegaskan bahawa seorang Muslim tidak boleh menzalimi saudaranya dan tidak boleh pula menyerahkannya kepada kezaliman. Tafsiran ini apabila diaplikasikan dalam konteks kontemporari memberi implikasi bahawa sikap berdiam diri tanpa tindakan terhadap penindasan umat Islam termasuk dalam dimensi ekonomi seperti enggan menyertai gerakan boikot boleh ditafsirkan sebagai bentuk penyerahan saudara kepada kezaliman. Justeru prinsip ukhuwah Islamiyyah menuntut agar solidariti umat dizahirkan melalui tindakan nyata yang menolak segala bentuk ketidakadilan.

Namun, disebabkan faktor geografi dan kekangan kuasa politik, masyarakat awam tidak mampu terlibat secara langsung dalam perjuangan fizikal atau diplomatik. Maka, antara bentuk tindakan yang boleh dilakukan ialah memboikot produk atau syarikat yang menyokong Israel atau menyumbang kepada penindasan rakyat Palestin. Walaupun tindakan ini tidak memberikan impak yang besar dalam skala geopolitik atau tidak mampu menghentikan kekejaman tersebut secara langsung, tindakan ini dianggap satu simbol solidariti dan semangat kebersamaan dalam menentang kezaliman (Siregar *et al.*, 2024; Laili *et al.*, 2021).

Malaysia juga tidak terkecuali dalam melaksanakan aksi boikot tersebut. Antara jenama yang sering menjadi sasaran boikot rakyat ialah McDonald's, KFC, Starbucks dan beberapa syarikat lain. Tindakan ini telah memberikan kesan ketara terhadap jualan dan keuntungan syarikat-syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang menekankan keperluan untuk menilai amalan boikot secara berasaskan ilmu, seperti kenyataan Mufti Pulau Pinang yang menjelaskan bahawa boikot McDonald's misalnya tidak wajar digeneralisasikan kerana pemilikan francais McDonald's Malaysia adalah 100% milik umat Islam tempatan (Harian Metro, 2023). Oleh itu, tindakan boikot perlu menimbang aspek masalah (kebaikan) dan mafsadah (kemudaratan), khususnya terhadap pekerja Muslim, ekonomi setempat, serta kesan sebenar terhadap pihak yang disasarkan kerana dalam membela pihak yang dianiaya janganlah pula menganiaya pihak yang lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menjelaskan konsep boikot dalam Islam berdasarkan perspektif *Maqasid al-Syariah* yang menjadi satu pegangan sebelum melakukan sesuatu perkara kerana kesannya perlulah dilihat dari seluruh aspek di samping menilai sejauh mana tindakan pemboikotan terhadap syarikat-syarikat pro-Israel di Malaysia menepati prinsip syarak serta memberikan kesan yang diharapkan.

Sorotan Literatur

Konsep Boikot Menurut Pandangan Islam

Perkataan boikot dalam bahasa arab merujuk istilah *hiṣār al-iqtisādī* atau *al-muqāta'ah al-iqtisādiyyah*. Secara asasnya istilah *al-muqāta'ah* ialah isim masdar yang berasal daripada perkataan *qāt'a* yang merujuk kepada maksud memutuskan hubungan atau melenyapkan sesuatu (Ibrahim Mustafa *et al.*, 1976). *Al-muqāta'ah* dalam konteks ekonomi pula bermaksud menegah daripada



melakukan sebarang urusan dengan pihak lain dari sudut ekonomi dengan tujuan memberi tekanan kepada pihak tersebut agar mengubah dasar dan tindakan berdasarkan isu tertentu (Al-Syamrani, 2005). Yusuf al-Qaradawi (2009), pula menegaskan bahawa konsep boikot dalam Islam adalah bentuk penolakan terhadap sebarang tindakan yang tidak mematuhi Syariah dan bercanggah dengan ajaran Islam. Merujuk Jabatan Mufti Negeri Selangor (2024) dan Zainuddin Labis (2023), praktik boikot telah wujud sejak zaman dahulu, termasuk pada zaman Nabi Muhammad SAW dimana Abu Jahal, Abu Lahab, dan pemimpin Quraisy lain menolak ajaran Rasulullah SAW, malah melakukan penolakan yang ekstrim sehingga berniat membunuh Baginda. Sikap penolakan ini berlanjutan hingga era khalifah Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib, yang turut menemui kematian akibat tindakan pihak yang menentang Islam (Asri, 2020). Perilaku boikot telah dibincangkan dalam pelbagai perbahasan seperti muamalah, ekonomi dan sosial, di mana konsepnya dalam setiap bidang bergantung kepada tujuan, bentuk larangan, serta implikasi terhadap masyarakat. Dalam perspektif muamalah, boikot membawa maksud penolakan atau penghentian segala bentuk interaksi dan aktiviti manusia dalam urusan duniawi, termasuk yang melibatkan harta, perniagaan dan benda-benda berkaitan (Mailisa, 2024). Manakala bagi perspektif sosial, ia merujuk kepada tindakan menjauhkan diri atau menghentikan pergaulan serta interaksi dengan seseorang atau sesetengah pihak dalam masyarakat, berdasarkan situasi atau fakta sosial tertentu. Bagi konsep boikot ekonomi, merujuk kitab *al-Mu'jam al-Wasit*, ia didefinisikan sebagai melarang atau meninggalkan sesuatu bentuk makanan dan minuman, hubungan sama ada dari segi ekonomi atau sosial atau mana-mana produk atas sebab tertentu (Ibrahim Mustafa et al., 1976). Tindakan ini berlaku apabila sesebuah syarikat terbabit dalam penajaan, pengeluaran, pengedaran atau sebarang aktiviti ekonomi yang bercanggah dengan ajaran Islam atau bertentangan dengan prinsip syariah (Siregar et al., 2024). Tindakan boikot ekonomi ini selari dengan situasi terkini melibatkan konflik yang berterusan antara Israel dan Palestin sehinggakan Majlis Ulama Indonesia (MUI) telah mengeluarkan Fatwa MUI nombor 83 Tahun 2023 yang menyarankan agar produk-produk yang mempunyai hubungan dengan Israel dielakkan sepenuhnya, sama ada dalam bentuk makanan, minuman, mahupun perkhidmatan.

Gerakan Boikot dalam Malaysia

Gerakan boikot di Malaysia merupakan fenomena yang dipengaruhi oleh solidariti terhadap Palestin serta perkembangan politik dan konflik di peringkat global. Walaupun amalan boikot telah lama dibincangkan dalam kajian antarabangsa, penyelidikan yang menumpukan kepada konteks negara membangun dan masyarakat pengguna Muslim masih terhad. Heilmann (2016) menunjukkan bahawa konflik politik boleh memberi kesan secara langsung terhadap perdagangan antarabangsa melalui tindakan boikot oleh pengguna, sekali gus membuktikan bahawa boikot berfungsi sebagai satu bentuk tekanan ekonomi. Dari sudut perundangan antarabangsa, Sutrisno (2024) menjelaskan bahawa boikot terhadap produk yang disyaki menyokong genosid boleh dilihat sebagai reaksi masyarakat sivil terhadap kelemahan sistem undang-undang antarabangsa. Selain itu, Samudra et al. (2024) menekankan bahawa amalan boikot juga mempunyai dimensi etika dan keagamaan, khususnya sebagai bentuk solidariti umat Islam terhadap Palestin serta tanggungjawab moral pengguna Muslim.

Dalam konteks Malaysia, tindakan boikot ini selari dengan dasar luar negara yang secara berterusan menyokong perjuangan Palestin (Ismail, 2019). Gerakan boikot produk yang dikaitkan dengan rejim Zionis turut menerima dorongan daripada pihak berautoriti agama. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP), melalui Bayan Linnas Siri ke-281: Boikot Ekonomi sebagai Strategi



Melawan Zionis, menjelaskan bahawa boikot terhadap entiti yang menyokong Zionis adalah dibolehkan dan dalam keadaan tertentu boleh dianggap sebagai kewajipan, selaras dengan prinsip menolak kezaliman (PMWP, 2023). Walau bagaimanapun, dokumen tersebut menekankan bahawa pelaksanaan boikot mesti dilakukan secara berhikmah, beretika dan tidak menzalimi pihak yang tidak bersalah, serta mengelakkan tindakan yang didorong emosi atau bersifat ekstrem. Selain itu, Othman (2023) turut menyifatkan boikot sebagai “senjata moral” dan satu bentuk tanggungjawab keagamaan berasaskan prinsip menolak kemudaratan dan solidariti terhadap pihak yang dizalimi. Naratif ini menggariskan andaian bahawa “setiap ringgit adalah satu undi,” sekali gus menonjolkan kuasa pengguna sebagai mekanisme tekanan ekonomi. Dalam konteks organisasi, BDS Malaysia (Boikot, Lupus dan Sekat) memainkan peranan sebagai penyelarasan utama gerakan boikot di Malaysia. Gerakan Boycott, Divestment and Sanctions (BDS) merupakan satu pergerakan global yang bertujuan memberi tekanan politik dan ekonomi terhadap Israel melalui boikot, pelupusan pelaburan, dan sekatan terhadap produk atau institusi yang dianggap menyokong dasar Israel yang didakwa melanggar hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa (Baumgart-Ochse, 2017; Ulgen, 2020). Organisasi BDS Malaysia berperanan sebagai cabang tempatan gerakan ini, menumpukan usaha terhadap kempen boikot jenama antarabangsa yang dikaitkan dengan ekonomi Israel serta menyediakan justifikasi moral dan maklumat produk kepada pengguna (Shamshiyev, 2024).

Secara selari, terdapat juga bentuk mobilisasi pengguna yang lebih afirmatif seperti kempen “*Buy Muslim First*”, yang bertujuan mengalihkan kuasa beli masyarakat Muslim bagi memperkukuh ekosistem ekonomi halal domestik. Strategi ini dianggap sebagai usaha proaktif yang melengkapi tindakan boikot tradisional yang lebih reaktif (Baumgart-Ochse, 2017; Ulgen, 2020). Dengan pendekatan ini, pengguna tidak hanya bertindak sebagai pihak yang menolak atau memboikot, tetapi turut menyokong ekonomi yang selari dengan nilai etika dan sosial mereka.

Kesan Boikot Terhadap Ekonomi Malaysia

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa boikot ekonomi di Malaysia memberikan beberapa kesan buruk yang ketara terhadap ekosistem ekonomi negara. Antara implikasi yang paling jelas ialah kesannya terhadap peluang pekerjaan. Menurut Kementerian Ekonomi berdasarkan laporan socso dalam tempoh Januari hingga Mei 2024 seramai 22,315 individu kehilangan pekerjaan, berbanding 18,026 untuk tempoh yang sama pada 2023 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 23.8 peratus (Malay Mail, 2024). Menurut Prof. Tan Peck Leong melaporkan bahawa penutupan hampir 100 cawangan KFC susulan kempen boikot telah menyebabkan sekitar 1,000 pekerja kehilangan pekerjaan, kebanyakannya merupakan pekerja bawahan yang tidak terlibat dalam dasar syarikat (Harian Metro, 2024). Starbuck Malaysia menurut laporan Hong Leong Investment Bant juga dilaporkan telah menutup 113 cawangan daripada 400 cawangan, yang menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan (Dagangnews, 2025). Situasi ini memperlihatkan bagaimana boikot boleh mencetuskan risiko pengangguran, ketidakstabilan pendapatan, dan tekanan sosioekonomi ke atas komuniti marhaen yang bergantung kepada gaji bulanan untuk kelangsungan hidup.

Dalam masa yang sama, boikot turut memberi kesan buruk kepada hasil negara. Menurut Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil, Syarikat multinasional seperti McDonald’s dan KFC merupakan antara penyumbang utama kepada cukai korporat serta terlibat secara langsung dalam rantai bekalan domestik (Malay Mail, 2024). Syarikat-syarikat besar ini mengalami kemerosotan jualan yang sekaligus memberi kesan kepada cukai negara. Antara syarikat-syarikat besar yang terkesan dengan boikot ialah Berjaya Food Bhd, yang merupakan pengendali starbuck di Malaysia, mengalami kerugian rekod sebanyak RM292 juta untuk tahun kewangan berakhir



Jun 2025, meningkat drastis daripada kerugian RM91.5 juta pada tahun sebelumnya. Hasil juga menurun sebanyak RM476.7 juta (Berjaya Food, 2025). Nestle Malaysia juga turut mengalami kerugian, yang telah dilaporkan pada July 2025 net profit menurun RM93.6 juta daripada RM181 juta pada tahun sebelumnya (Poo, 2025). Hal ini, bukan sahaja menjejaskan kutipan cukai negara, tetapi juga memberi kesan domino kepada vendor, pembekal, dan syarikat-syarikat kecil yang bergantung kepada kontrak mereka. Kejatuhan prestasi syarikat korporat ini turut menjejaskan pemegang saham tempatan, termasuk Muslim, sekali gus menunjukkan bahawa boikot boleh memberi impak negatif kepada komuniti yang sama yang ingin dibela.

Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa boikot sering mencetuskan masalah ketidakpastian maklumat. Mufti Perak Wan Zahidi Wan Teh di dalam Malay Mail (2024) memberikan contoh boikot terhadap KK Mart yang berlaku berasaskan maklumat yang belum disahkan, sedangkan prinsip keadilan menuntut pembuktian yang kukuh sebelum hukuman dijatuhkan. Tindakan berdasarkan maklumat salah bukan sahaja menjejaskan reputasi dan operasi syarikat tempatan, tetapi turut mengganggu kestabilan ekonomi mikro apabila pelanggan beralih secara mendadak tanpa asas yang tepat. Kajian oleh IKIM (2024) turut mendedahkan bahawa terdapat syarikat tempatan yang diboikot walaupun mereka tidak terlibat dalam sebarang sokongan kepada Israel, sebaliknya aktif membayar zakat dan menyumbang kepada kebajikan. Akibat daripada salah tafsir maklumat ini, ekonomi tempatan mengalami kerugian, pekerja terjejas dan rantaian bekalan terganggu secara tidak wajar.

Akhir sekali, tindakan boikot yang dilakukan tanpa penelitian boleh menganiaya syarikat francais tempatan, pekerja tempatan serta vendor kecil yang menjadi sebahagian daripada ekosistem perniagaan tersebut iaitu mengganggu rantaian ekonomi domestik. Menurut Sahibus Sahamah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim di dalam Mingguan Wanita (2024) menegaskan bahawa tindakan boikot haruslah dengan bukti yang jelas, bukan dengan sangkaan andaian semata.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah kajian perpustakaan dan analisis kandungan terhadap bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan isu pemboikotan dalam konteks Syariah, ekonomi dan sosiopolitik di Malaysia. Sumber primer merangkumi al-Quran, hadis, karya fuqaha klasik dan kontemporari, serta dokumen fatwa rasmi yang menjadi asas kepada perbahasan hukum. Sumber sekunder terdiri daripada artikel jurnal, laporan institusi, kenyataan media berautoriti, laporan ekonomi serta dokumen analisis polisi yang berkaitan dengan gerakan boikot di Malaysia.

Pemilihan sumber dilakukan berdasarkan kriteria kerelevanan tema, autoriti penulis, dan kesahihan maklumat bagi memastikan ketepatan dapatan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik, yang melibatkan proses penyaringan, pengkodan, dan pengelompokan tema mengikut kerangka *Maqasid al-Syariah* seperti *hifz al-din*, *hifz al-mal*, *hifz al-nafs*, *hifz al-'aql* dan *hifz al-'ird*. Pendekatan deduktif-induktif turut digunakan untuk membandingkan pandangan fuqaha dengan realiti kontemporari Malaysia. Metodologi ini membolehkan penilaian komprehensif terhadap kewajaran boikot dari sudut Syariah serta implikasinya terhadap masyarakat dan ekonomi negara.



Dapatan dan Perbincangan

Analisis Syariah: Implikasi Boikot Terhadap Syariah

Penilaian terhadap kewajaran pelaksanaan boikot perlu dilakukan secara menyeluruh, termasuk meneliti sama ada tindakan tersebut berhasil mencapai *Maqasid al-Syariah* atau sebaliknya, sekadar memperburuk keadaan. Pemahaman terhadap hukum mu'amalah dengan bukan Muslim, khususnya Yahudi perlulah difahami sebelum isu ini dianalisis secara menyeluruh kerana prinsip ini menjadi asas kepada justifikasi pelaksanaan boikot ekonomi yang sedang dijalankan. Merujuk Mufti Wilayah Persekutuan (2023), Hukum bermuamalah dengan orang yahudi pada asasnya adalah harus selagi produk yang terlibat adalah halal kerana terdapat satu hadis yang menunjukkan Nabi Muhammad S.A.W juga pernah berurusan dengan orang Yahudi dengan memberi cagaran seperti yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA:

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi s.a.w membeli makanan dari seorang Yahudi dengan pembayaran secara bertangguh, dan mencagarkan baju besi baginda SAW.

(Riwayat Muslim Hadis 1603)

Imam Nawawi (1930), telah menyatakan bahawa hadis diatas menunjukkan keharusan bermuamalah dengan orang bukan Islam telah disepakati ulama. Akan tetapi keharusan tersebut adalah terhad, jika hasil daripada muamalah tersebut boleh membawa kepada haram seperti menjual senjata kepada musuh Islam, sebarang bentuk yang boleh membantu untuk menegakkan syiar agama mereka, membeli kitab agama mereka dan seumpamanya maka muamalat tersebut diharamkan. Begitu juga jawapan yang diberikan oleh Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah rahimahullah apabila ditanya bangsa tatar tentang muamalah iaitu diperbolehkan padanya seperti diperbolehkannya bermuamalah dengan orang kafir seperti mereka, dan diharamkan padanya apa yang diharamkan dalam hal bermuamalah dengan orang kafir seperti mereka (Almanhaj, 2018).

Dalam al-Quran juga memerintahkan umat Islam untuk saling bantu membantu dalam kebaikan dan melarang umat Islam daripada tolong menolong dalam dosa dan permusuhan, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat kedua. Para ulama membahagikan konsep *al-ta'āwun 'alā al-ma'siyah* (saling membantu dalam perkara maksiat) kepada dua bentuk utama, iaitu bantuan secara langsung dan bantuan secara tidak langsung. Para ulama bersepakat bahawa sebarang bentuk kerjasama yang berlaku secara langsung terhadap maksiat adalah haram secara *qat'i*. Namun, bagi kerjasama tidak langsung, ulama membahagikannya kepada empat situasi:

1. Apa-apa yang boleh membawa kepada perkara haram secara pasti iaitu pada asalnya ia adalah harus namun disebabkan faktor-faktor lain seperti boleh menyebabkan perkara haram maka hukumnya adalah haram.
2. Sesuatu yang kebiasaannya boleh membawa kepada perkara yang haram maka dalam hal ini ulama mazhab Maliki dan Hanbali menilainya sebagai haram.
3. Apa-apa yang menurut sangkaan boleh membawa kepada haram maka ulama dalam hal ini tidak mengharamkannya, namun mengambil langkah berhati-hati itu adalah lebih baik.



4. Perkara yang sama sekali tidak membawa kepada sesuatu yang haram maka ulama bersepakat bahawa hukumnya adalah harus.

Berkenaan isu boikot, Mufti Wilayah Persekutuan (2023) menjelaskan pelaksanaan gerakan boikot adalah perlu dilihat mengikut keadaan semasa. Boikot tersebut menjadi wajib apabila produk atau syarikat yang didakwa jelas memberikan bantuan secara langsung kepada pihak musuh untuk membunuh umat Islam. Jika hanya dengan melaksanakannya merupakan satu-satunya cara bagi melemahkan pihak musuh, maka kita wajib mengambil bahagian seperti kaedah fiqh *ma la yatimmu al-wajib illa bihi fa huwa wajib*. Yusuf Al-Qaradhawi dalam karyanya *Fatawa al-Muashirah* menegaskan bahawa memboikot barangan negara musuh seperti Amerika, Israel dan Yahudi adalah salah satu cara untuk membantu saudara-saudara Muslim Palestin kerana pada akhirnya hasil transaksi tersebut akan memudahkan pihak musuh menyediakan bekalan senjata dan peluru-peluru bagi meneruskan kezaliman mereka. Ianya diibaratkan mengikut serta dalam melakukan kejahatan yang haram, terhina dan berdosa walhal terdapat produk lain dari negara sendiri atau negara lain yang dapat menggantikannya. Walaupun kita tidak dapat memberikan bantuan secara langsung, maka kewajibannya hanya dapat dipenuhi dengan satu cara iaitu memboikot produk atau syarikat yang secara langsung menyalurkan bantuan kepada Israel bagi melemahkan sektor ekonomi mereka (Af Idah, 2024).

Seterusnya, analisis ini juga banyak memetik pandangan-pandangan ulama daripada buku "Perspektif Syariah dan Realiti Semasa: Boikot McDonald's Malaysia? Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2025), antaranya ialah pandangan Syeikh Abdullah bin Bayyah (2023), dalam mengupas isu ini, beliau telah mengemukakan beberapa perkara penting yang perlu diteliti:

1. Pihak pemerintah hendaklah menentukan berdasarkan kebaikan dan keburukan yang lebih dominan.
2. Hendaklah melihat kepada masalah dan manfaat berdasarkan pertimbangan akal yang sah.
3. Hendaklah mempertimbangkan kesan boikot, khususnya terhadap umat Islam.

Apabila ketiga-tiga perkara ini dapat diteliti dengan jelas dan baik, keputusan hendaklah diambil berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Begitu juga dengan pandangan Syeikh Usamah Sulaiman dipetik dari kitab *al-Ta'liq 'ala 'Uddah Syarh 'Umdah* yang menyatakan pemboikotan perlulah mengikut panduan syarak dan harus mempertimbangkan kesannya terhadap musuh. Hal ini kerana ianya boleh memberikan kesan yang lebih besar kepada umat Islam terutamanya anak-anak kita sendiri berbanding kesannya kepada pihak musuh (Ibn Qudamah al-Maqsi, t.t). Pandangan ini disokong dengan hadis daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: Semangatlah dalam hal yang bermanfaat untukmu, minta tolonglah pada Allah, dan jangan malas (patah semangat).

(Riwayat Muslim no. 2664)

Merujuk mufti Dubai iaitu Syeikh Dr. Ahmad bin 'Abd al- 'aziz bin Qasim al-Haddad (2023), manfaat boikot tersebut perlulah dipertimbangkan dengan teliti, termasuk kesannya terhadap isu yang sedang berlaku kerana sifat memboikot secara melulu tanpa ilmu dan informasi yang sah hanya merugikan umat Islam kita sendiri walhal tujuan pelaksanaannya terpesong dari jalannya. Begitu juga pandangan Sulaiman bin al-Ruhayli (2023), ketika ditanya berkenaan pemboikotan



restoran McDonalds' di negara Islam, beliau menjelaskan bahawa ianya adalah satu kejahilan yang dilakukan atas dasar kekurangan ilmu tentang realiti komersial. Hal ini kerana restoran seperti ini di setiap negara dikendalikan oleh penduduk tempatan dan hanya menggunakan hak jenama dan resipi. Sebagai contoh, McDonald's di Arab Saudi adalah milik syarikat Arab dan tidak mempunyai perkaitan hubungan dengan yang berada di Amerika, sama seperti di negara lain Kuwait, Mesir dan lain-lain lagi. Membangkitkan isu ini adalah tidak adil dan merugikan kepada umat Islam kerana syarikat-syarikat ini telah menerima dan menggaji ramai pekerja muslim dan juga turut menyumbang kepada kebajikan di Negara Islam.

Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, turut menjelaskan bahawa tidak perlu untuk memboikot McDonald' kerana pihak pengurusan syarikat itu sudah menegaskan mereka tidak memberi sebarang sumbangan kepada Israel walhal syarikat tersebut merupakan penyumbang utama zakat di negara ini. Beliau juga turut menasihati bahawa memboikot syarikat yang didakwa menyokong Israel (tidak hanya berfokus kepada McDonald') perlulah berasaskan bukti kukuh dan bukan andaian semata-mata kerana dalam membela pihak yang teraniaya jangan pula sampai menganiaya pihak yang lain (Harian Metro, 2023). Jabatan Mufti Negeri Pahang (2024), berpandangan bahawa hukum memboikot pada asasnya tertakluk kepada keadaan dan niat dalam mempraktikkannya. Hukum boikot boleh menjadi wajib apabila terdapat arahan jelas daripada pemerintah Islam berdasarkan masalah dan prinsip syarak. Dalam keadaan lain, boikot boleh menjadi harus (mubah) sekiranya seseorang meyakini atau zan yang kuat (zan ghalib) bahawa hasil jualan sesuatu pihak digunakan bagi tujuan maksiat meskipun tidak menzalimi sesuatu pihak. Namun, pengecualian wajar diberikan dalam konteks urus niaga dengan bukan Muslim kerana Nabi Muhammad SAW sendiri bermuamalah dengan mereka. Jadi, kedudukan orang bukan Muslim tidak boleh disamakan dengan pelaku maksiat daripada kalangan Muslim. Dalam situasi yang dibina atas syak atau sangkaan lemah (wahm) semata-mata atau yang membawa kemudahan lebih besar kepada umat Islam, maka hukum memboikot boleh menjadi makruh atau haram, justeru tindakan tersebut mestilah berasaskan fakta yang sahih serta pertimbangan ilmu yang teliti. Tambahan pula, sekiranya seseorang sengaja menghasut atau mempengaruhi orang ramai untuk memboikot sesebuah perniagaan tertentu tanpa asas kukuh dengan tujuan menjatuhkan atau melumpuhkan pihak tertentu, maka ia boleh menjadi haram.

Selain itu, Islam turut menegaskan larangan memutuskan hubungan sesama Muslim kecuali kerana tujuan syarak atau untuk menolak mudarat. Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ، يَلْتَقِيَانِ فَيُعْرِضُ هَذَا وَيُعْرِضُ هَذَا، وَخَيْرُهُمَا الَّذِي يَبْدَأُ بِالسَّلَامِ

Terjemahan: Tidak halal bagi seorang Muslim untuk memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih daripada tiga hari; apabila mereka bertemu, masing-masing berpaling. Dan yang terbaik di antara keduanya ialah yang memulakan salam.

(Riwayat Muslim, Hadis 2560)

Dalam kitab *Fath al-Bari: Syarh Sahih al-Bukhari*, Ibnu Hajar al-Asqalani (t.t) dalam bab: *Ma Yajuzu min al-Hijran Liman 'Asa* (memutuskan hubungan yang diperbolehkan terhadap orang yang bermaksiat) menyatakan hukum memutuskan hubungan dengan orang yang bermaksiat adalah dibenarkan. Oleh itu, secara umumnya, larangan tersebut terpakai terhadap perbuatan hajar (pemuluan) atas sebab duniawi, dendam, emosi dan sangkaan semata-mata adalah dilarang. Ibn



Hajar al- 'Asqalani juga menjelaskan bahawa memulau sesama Muslim tanpa hak syarie termasuk bentuk kezaliman dan boleh menjadi dosa besar.

Berdasarkan prinsip ini, konsep boikot dalam konteks hubungan sesama Muslim perlu dinilai dengan sangat berhati-hati. Jika boikot tersebut dilakukan tanpa asas kukuh, dengan hanya bersandarkan sangkaan lemah (wahm), atau sehingga menjatuhkan ekonomi dan reputasi seorang Muslim yang tidak bersalah, maka tindakan tersebut termasuk dalam kategori hajr yang ditegah oleh syarak. Hal ini seiring dengan penegasan para mufti bahawa membela mangsa kezaliman tidak boleh dilakukan dengan cara menganiaya umat Islam yang lain tanpa bukti yang sahih. Maka, boikot yang dilakukan atas dasar emosi, tekanan sosial, atau maklumat tidak sahih adalah tidak bertepatan dengan tujuan syariah dan bertentangan dengan prinsip hadis ini.

Analisis Ekonomi: Implikasi Boikot Terhadap Negara

Gerakan boikot di Malaysia menunjukkan kesan dua hala terhadap ekonomi negara. Dari sudut positif, terdapat artikel dan laporan media yang menegaskan bahawa boikot mampu meningkatkan sokongan kepada produk tempatan. Trend ini dapat dilihat apabila sebahagian besar masyarakat telah beralih kepada produk lokal, sekaligus merancakkan permintaan domestik (Sinar Harian, 2024). Hong Leong Bank investment (HLIB) juga telah melaporkan bahawa peralihan kearah produk tempatan terus meningkat, jenama seperti Farm Fresh dan Mi Segera Numee Gardenia semakin mendapat perhatian apabila pengguna mengutamakan pilihan domestik, rangkaian kafe tempatan seperti ZUS Coffee, HWC Coffee, Kenangan Coffee dan Richiamo Coffee juga semakin berkembang dan menarik pelanggan ekoran boikot. HLIB juga menyatakan Keluaran dalam Negara Kasar diramalkan berkembang antara 4.5% ke 5.5% pada 2025 ini (The Edge Malaysia, 2025). Kementerian Kewangan melaporkan bahawa meskipun kempen boikot masih berterusan di Malaysia, prestasi ekonomi negara kekal dan berkembang. Data suku pertama 2024 menunjukkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2% didorong oleh aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dan berdaya tahan (MalayMail, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa kesan makro negara adalah minimum, malah keyakinan pengguna serta keteguhan sektor domestik terus menyokong perkembangan ekonomi keseluruhan. Peralihan pengguna daripada produk luar yang diboikot kepada produk tempatan telah membuka peluang pertumbuhan kepada pengusaha kecil dan sederhana, malah mendorong kerajaan untuk memberi perhatian dan memperkasakan agenda pembangunan jenama tempatan melalui pelbagai inisiatif sokongan. Analisis pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Prof Ruzita Mohd Amin yang dilaporkan MalaysiaKini (2023) turut berhujah bahawa momentum boikot boleh mencetuskan kreativiti masyarakat serta merangsang pembukaan perniagaan baharu apabila ruang pasaran menjadi lebih luas untuk pemain industri lokal. Hal ini dapat kita perhatikan pada masa boikot ini banyak jenama tempatan yang telah lahir sebagai inisiatif untuk menggantikan jenama-jenama besar terutamanya dalam industri makanan yang kita dapat lihat terdapat banyak jenama tempatan seperti Ahmad Fried Chicken dan D'Apple yang memberi inisiatif lain bagi kedai makanan segera jenama besar yang diboikot. Hal ini membuktikan bahawa boikot ada memberi kesan yang positif serta meningkatkan perkembangan ekonomi tempatan Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat data dari penerbitan terdahulu menunjukkan bahawa kesan negatif boikot terhadap struktur ekonomi adalah jauh lebih ketara. Data Kementerian Ekonomi mendedahkan bahawa antara Januari hingga Mei 2024, sebanyak 22,315 kehilangan pekerjaan, meningkat 23.8% berbanding tahun sebelumnya (Malay Mail, 2024). Peningkatan ini jelas berkait dengan penutupan cawangan beberapa syarikat francais antarabangsa ekoran tekanan boikot kerana mereka harus mengurangkan kos. Antaranya, menurut Prof. Tan Peck



Leong hampir 100 cawangan KFC ditutup dan lebih 1000 pekerja bawahan kehilangan mata pencarian (Harian Metro, 2024). Starbucks Malaysia melalui Berjaya Food turut menutup 113 cawangan daripada 400 cawangan (dagangnews, 2025). Pengurangan gaji dan tekanan sosial daripada masyarakat dan orang terdekat kerana boikot juga boleh menjadi faktor pekerja-pekerja berhenti. Ini selari dengan kajian yang dilakukan Ridzwan dan Zainuddin (2024), boikot menyebabkan pengurangan pendapatan bagi sektor food and beverage yang membawa kepada pengurangan dan pemecatan pekerja. Kajian ini menyatakan bahawa pekerja retail Malaysia menunjukkan gejala kemurungan dengan disokong oleh fakta bahawa daripada 350 pekerja retail, 41 menyatakan kebimbangan ini. Hal ini menunjukkan bahawa boikot memberikan kesan negatif dengan menyebabkan ramai pekerja bawahan yang tidak terlibat terkesan dengan pengurangan gaji dan pemecatan.

Selain itu, kesan domino terhadap hasil negara juga signifikan. Menurut Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil syarikat seperti KFC, McDonald's, dan Pizza Hut merupakan penyumbang utama kepada cukai korporat, zakat serta penggerak rantai bekalan domestik (Malay Mail, 2024). Apabila prestasi kewangan mereka menjunam, hasil negara turut terjejas. Misalnya, Nestle mencatat penurunan keuntungan bersih daripada RM181 juta kepada RM93.6 juta pada 2025 (Poo, 2025). Penurunan hasil syarikat-syarikat besar ini menyebabkan vendor kecil kehilangan kontrak, pembekal tempatan merosot jualannya, dan pemegang saham Malaysia termasuk Muslim turut menanggung kerugian.

Satu lagi isu kritikal yang diperlihatkan ialah pemboikotan tanpa kepastian maklumat. Menurut Mufti Perak Wan Zahidi Wan Teh boikot yang digerakkan tanpa verifikasi sahih, seperti kes KK Mart yang diboikot oleh masyarakat secara mendadak tanpa dikaji terlebih dahulu, bukan sahaja menjejaskan reputasi syarikat tempatan tetapi juga mengganggu aliran ekonomi mikro (Malay Mail, 2024). IKIM (2024) turut melaporkan bahawa beberapa syarikat tempatan diboikot atas dakwaan tidak benar walhal mereka aktif membayar zakat dan menyumbang kepada kebajikan masyarakat. Tindakan ini memberi impak terus kepada pekerja, vendor, dan pembekal yang tidak bersalah, sekaligus menunjukkan bagaimana boikot tanpa asas kukuh boleh mencetuskan ketidakstabilan ekonomi.

Oleh itu, analisis keseluruhan menunjukkan bahawa walaupun terdapat manfaat tertentu seperti peningkatan kesedaran pengguna dan peluang untuk memperkasakan perniagaan tempatan seperti yang kita dapat lihat banyak perniagaan baru muncul tetapi ianya mengambil masa untuk stabil dan kesan buruk boikot terhadap ekonomi negara, terutama dari segi pengangguran, kemerosotan hasil negara, dan gangguan rantai bekalan jauh lebih besar. Maka, kewajaran boikot hanya dapat dicapai jika ia dilakukan dengan strategi terarah, berasaskan maklumat sahih, serta tidak menjejaskan ekonomi domestik dan golongan pekerja.

Analisis Sosiopolitik: Implikasi Boikot Terhadap Keharmonian Masyarakat

Keselamatan dan Maruah Pekerja Tempatan (*Hifz al-Nafs & Hifz al-'Ird*)

Salah satu isu sosial yang kritikal dalam polemik boikot ialah potensi kesan sampingan terhadap pekerja tempatan, khususnya golongan rentan. Sebahagian besar tenaga kerja di restoran francais antarabangsa terdiri daripada individu berpendapatan rendah dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan tersebut untuk kelangsungan hidup. Golongan ini terlibat dalam sektor perkhidmatan bukan atas dasar sokongan ideologi atau geopolitik, sebaliknya didorong oleh keperluan ekonomi untuk menyara diri dan keluarga. Dalam konteks ketidakseimbangan kuasa sosial dan ekonomi, pekerja barisan hadapan sering menjadi



pihak yang paling terdedah kepada kesan tidak langsung daripada konflik atau tekanan masyarakat (Al-Ali, 2020).

Laporan media tempatan, seperti mStar (2023), menunjukkan bahawa sebilangan pekerja berhadapan dengan tekanan psikologi akibat persekitaran kerja yang tegang sepanjang tempoh boikot. Walaupun data empirikal yang menyeluruh masih terhad, kajian terdahulu membuktikan bahawa tekanan sosial dan risiko gangguan di tempat kerja boleh memberi kesan serius terhadap kesejahteraan mental dan keselamatan individu, khususnya dalam kalangan pekerja barisan hadapan (Al-Wathinani et al., 2023). Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila pekerja tidak mempunyai kawalan terhadap situasi konflik yang tercetus di luar skop tanggungjawab profesional mereka.

Selain itu, ketidaksamaan sosial dan kedudukan ekonomi yang lemah sering mengehadkan keupayaan pekerja untuk melindungi diri daripada risiko keselamatan dan tekanan emosi. Kajian oleh Al-Bayati et al. (2023) menegaskan bahawa golongan pekerja rentan lazimnya terdedah kepada risiko keselamatan yang lebih tinggi akibat kekurangan perlindungan sosial dan struktur sokongan institusi. Sehubungan itu, tekanan sosial yang berlebihan terhadap pekerja bukan sahaja berpotensi mencederakan maruah dan kestabilan emosi mereka, malah jelas bercanggah dengan prinsip pemeliharaan nyawa (*Hifz al-Nafs*) dan kehormatan manusia (*Hifz al-'Ird*) dalam kerangka Maqasid al-Syariah.

Tambahan pula, insiden terpicil yang melibatkan risiko vandalisme dan gangguan di premis perniagaan, seperti yang dilaporkan oleh The Star (2024), walaupun tidak berlaku secara meluas, sudah memadai untuk menimbulkan rasa tidak selamat dalam kalangan pekerja. Dalam konteks ini, fenomena boikot bukan sekadar membawa implikasi ekonomi terhadap organisasi, tetapi turut mencetuskan persoalan serius berkaitan tanggungjawab sosial masyarakat dalam melindungi keselamatan, maruah, dan kebajikan pekerja barisan hadapan yang sering menjadi mangsa keadaan.

Tahap Kesedaran Masyarakat dan Budaya Ikut-Ikutan (*Hifz al-Aql*)

Selain implikasi fizikal dan psikologi terhadap pekerja, kesan sosial yang lebih luas turut dapat diperhatikan melalui cara masyarakat memproses maklumat dan menyertai gerakan boikot. Terdapat kecenderungan dalam kalangan sebahagian individu untuk terlibat dalam boikot berdasarkan pengaruh sosial dan trend semasa, tanpa melaksanakan semakan fakta (*tabayyun*) yang mencukupi. Penyebaran senarai boikot yang tidak rasmi di media sosial sering menimbulkan kekeliruan, sekali gus menyebabkan jenama atau entiti yang tidak mempunyai kaitan langsung turut terpalit dengan tuduhan yang tidak berasas.

Walaupun kajian-kajian ini tidak meneliti boikot produk Israel secara langsung, dapatan berkaitan pengaruh sosial, literasi maklumat, dan kecenderungan tingkah laku ikut-ikutan adalah relevan untuk memahami corak penglibatan masyarakat dalam gerakan boikot berasaskan sentimen politik dan emosi. Kajian dalam bidang psikologi sosial dan pendidikan Islam menunjukkan bahawa tindakan tanpa pemahaman yang mencukupi lazimnya berpunca daripada tahap kesedaran dan literasi maklumat yang rendah (Purbanto & Hidayat, 2023). Penyelidikan berkaitan isu sosial lain dalam kalangan remaja, seperti penyalahgunaan dadah dan perjudian dalam talian, turut mendapati bahawa keputusan yang didorong oleh tekanan sosial dan pengaruh persekitaran sering membawa kepada tindakan tidak rasional serta mengabaikan pertimbangan akal yang matang (Galenso, 2022; Sahputra et al., 2022). Prinsip asas mengenai



kelemahan kawalan kognitif dan kecenderungan mengikut arus sosial ini selari dengan fenomena boikot yang bersifat emosi dan tidak berinformasi.

Menyedari risiko ini, BDS Malaysia (2024) menegaskan bahawa tindakan boikot seharusnya dilaksanakan secara berinformasi, berfakta, dan tertumpu kepada sasaran yang jelas serta strategik. Budaya boikot yang bersifat bermusim atau sekadar mengikut sentimen semasa mencerminkan keperluan mendesak untuk meningkatkan pendidikan dan literasi pengguna. Langkah ini penting bagi memastikan keputusan yang diambil oleh masyarakat selari dengan matlamat etika yang sebenar serta menepati prinsip pemeliharaan akal (*Hifz al-Aql*), yang menolak tindakan semberono dan menegaskan kepentingan ilmu, rasionaliti, dan pertimbangan yang matang (Ismail et al., 2024; Rosidi, 2024).

Kesimpulan Keseluruhan Analisis daripada Segi *Maslahah* dan *Mafsadah*

Berdasarkan analisis menyeluruh terhadap implikasi boikot di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa kesan tindakan ini bersifat berlapis dan berbeza mengikut perspektif yang dikaji. Dari sudut syariah dan sosial, pelaksanaan boikot yang berasaskan niat menjaga masalah umat, menentang kezaliman terhadap saudara Muslim, serta menggalakkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab moral, boleh dianggap memberi masalah. Boikot yang dijalankan secara berinformasi dan berdasarkan bukti kukuh selari dengan prinsip *Maqasid al-Syariah*, khususnya dalam pemeliharaan akidah, nyawa, maruah, dan akal (*hifz al-dīn, hifz al-nafs, hifz al-'ird, dan hifz al-'aql*). Tindakan ini bukan sahaja dapat menegakkan keadilan moral, malah merangsang kesedaran etika dalam kalangan masyarakat, memupuk tabayyun, serta mengelakkan penyebaran pengaruh atau sokongan tidak langsung kepada pihak yang melakukan kezaliman.

Namun, dari sudut ekonomi, boikot menunjukkan potensi mafsadah yang ketara. Penutupan cawangan syarikat francais antarabangsa, pengurangan tenaga kerja, kehilangan pekerjaan, penurunan hasil cukai dan zakat, serta gangguan kepada rangkaian bekalan domestik menunjukkan kesan negatif yang lebih dominan terhadap kesejahteraan ekonomi negara. Kesan ini memberi tekanan kepada golongan pekerja bawahan dan menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi mikro, terutamanya apabila boikot dijalankan tanpa verifikasi maklumat yang sahih atau berasaskan sangkaan semata-mata.

Secara keseluruhan, walaupun boikot mampu menegakkan nilai-nilai moral dan syariah serta memberi kesan positif dari segi kesedaran sosial, ia membawa implikasi ekonomi yang serius sekiranya tidak dirancang dengan teliti. Oleh itu, pelaksanaan boikot di Malaysia perlu dipertimbang secara strategik, berasaskan fakta dan ilmu, dengan matlamat utama memaksimumkan masalah dan meminimalkan *mafsadah*, agar keseimbangan antara kepentingan agama, sosial, dan ekonomi dapat dicapai. Jadi, boikot di Malaysia wajar dari sudut agama dan sosial jika dilaksanakan dengan niat yang betul, berdasarkan bukti kukuh, dan menentang kezaliman, namun ia tidak wajar dari sudut ekonomi sekiranya menjejaskan pekerja, pengusaha tempatan, dan hasil negara. Justeru, kewajaran boikot hanya dapat dicapai melalui pelaksanaan yang strategik, berinformasi, dan berasaskan fakta.



Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa isu pemboikotan di Malaysia merupakan fenomena yang bersifat kompleks dan tidak boleh dinilai secara mudah sebagai sesuatu yang hanya membawa manfaat atau hanya membawa mudarat. Berdasarkan analisis Syariah, ekonomi dan sosiopolitik, jelas bahawa kewajaran boikot sangat bergantung kepada keadaan, bukti dan kesan yang terhasil daripada pelaksanaannya. Dari perspektif Syariah, boikot hanya menjadi wajib apabila wujud bukti yang jelas bahawa sesuatu entiti memberikan sokongan langsung kepada kezaliman terhadap umat Islam, dan pelaksanaannya merupakan satu-satunya mekanisme yang mampu melemahkan pihak musuh. Sebaliknya, boikot menjadi harus atau bahkan haram apabila dilakukan secara emosional, tanpa verifikasi maklumat, atau menyebabkan kemudaratan lebih besar terhadap umat Islam sendiri, selaras dengan prinsip maqasid yang menolak segala bentuk *mafsadah*.

Dari sudut ekonomi, dapatan menunjukkan bahawa kesan negatif boikot seperti peningkatan pengangguran, penutupan cawangan francais tempatan, pengurangan hasil cukai dan gangguan rantaian bekalan lebih ketara berbanding manfaat yang diperoleh. Walaupun terdapat dorongan positif terhadap pembangunan produk tempatan, impaknya masih tidak sebanding dengan kemudaratan yang menimpa pekerja bawahan dan ekonomi mikro. Selain itu, implikasi sosiopolitik turut menonjol apabila boikot yang tidak berasaskan *tabayyun* menyebabkan tekanan psikologi kepada pekerja, wujudnya budaya fitnah serta ketegangan dalam masyarakat. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa pelaksanaan boikot haruslah bersifat strategik, terarah dan berinformasi, bukannya bermusim atau didorong sentimen semata-mata. Pemboikotan yang memenuhi syarat Syariah, didukung bukti kukuh dan tidak menjejaskan kemaslahatan umum mampu menjadi instrumen solidariti yang sah. Namun, jika ia mengundang mafsadah yang lebih besar, maka tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan Syariah, akhlak Islam dan tanggungjawab sosial. Oleh itu, umat Islam perlu mengimbangi semangat solidariti dengan kebijaksanaan, memastikan setiap tindakan yang diambil benar-benar menyumbang kepada keadilan dan kemaslahatan sejagat.

Rujukan

- Af Idah, T. (2024). Tinjauan Fikih Jihad Yusuf Al-qaradhawi Terhadap Boikot Produk Terafiliasi Israel (Studi Fatwa MUI Nomor 83 Tahun 2023) (Doctoral dissertation, Universitas Islam Indonesia).
- Akjuwen, A. D. C. (2025). Negosiasi, veto, dan lobi internasional dalam isu Palestina di PBB: Studi kasus resolusi 2017. *Perspektif*, 1(2), 75-88.
- Al-Ali, N. (2020). Covid-19 and feminism in the Global South: Challenges, initiatives and dilemmas. *European Journal of Women's Studies*, 27, 333-347.
- Al-Bayati, A., Eiris, R., Hernandez, G., & Al-Bayati, M. (2023). Addressing social inequity in construction safety research: Personal protective equipment focus. *Journal of Construction Engineering and Management*.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1930). *Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim bin al-Hajaj*. Pentahqiq: Mohamed Tamer. Kaherah: Matba'ah al-Masriyah bi al-Azhar.
- Al-Wathinani, A., Barten, D., Al-Balawi, H., Al-Aqeel, S., Al-Dulijan, N., Al-Ghamdi, K., Al-Shammari, S., Alhallaf, M., Aljuaid, M., Tin, D., & Goniewicz, K. (2023). Reducing violence in Riyadh's emergency departments: The critical role of healthcare providers. *Healthcare*, 11.



- Asri, M. A. Z. (2020, April 10). Sejarah pembunuhan Khalifah Uthman ibn Affan r.a. (Siri 7). Mufti Perlis.
- Astro AWANI. (2025, July 28). Dua kumpulan hak asasi Israel tuduh kerajaan lakukan genosid di Gaza. Astro Awani.
- Astro Awani. (2025, September 22). Sidang Kemuncak PBB Mengenai Palestin: Ini fakta anda perlu tahu. Astro Awani.
- Avcioglu, M. (2025, August 28). Starbucks' sales in Malaysia plummet 36% due to Gaza boycott. Anadolu Agency.
- Baumgart-Ochse, C. (2017). Claiming justice for Israel/Palestine: The Boycott, Divestment, Sanctions (BDS) campaign and Christian organizations. *Globalizations*, 14, 1172–1187.
- BDS Malaysia. (2024). Panduan pengguna: Senarai produk boikot strategik. BDS Malaysia Secretariat.
- BDS Malaysia. (2024, Januari 15). Kenyataan media mengenai fokus boikot strategik. BDS Malaysia Official.
- Berjaya Food Berhad. (2025, August 27). Unaudited interim financial report for the year ended 30 June 2025.
- Bukhari, S. (2025). Palestine's Struggle for Survival: Unveiling the Humanitarian Crisis and Pathways to Lasting Solutions. *International Social Research Nexus (ISRN)*.
- Eliandy, R. R., Amini, A., Heriadi, M., Tumanggor, E. R., & Hasibuan, E. A. (2023). Konflik Palestina Dengan Israel:(Nasib Pendidikan Anak-Anak Palestina). *Journal Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial*, 15(1), 106-112.
- Fischer, J. (2020). Halal markets, political consumerism and transnational solidarity: The case of Buy Muslim First in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 567–582.
- Galenso, V. (2022). Undang-Undang Nomor 35 Tahun 2009 tentang narkotika di kalangan pelajar. *The Juris*.
- Harian Metro. (2023). McDonald's Malaysia tidak beri sumbangan kepada Israel, usah boikot – Mufti.
- Harian Metro. (2023, November 6). McDonald's Malaysia tidak beri sumbangan kepada Israel, usah boikot – Mufti. *Harian Metro*.
- Heilmann, K. (2016). Does political conflict hurt trade? Evidence from consumer boycotts. *Journal of International Economics*, 99, 179–191.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī. (n.d.). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Juz 3. Saudi Arabia: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī. (n.d.). *al-'Uddah Sharḥ al-'Umdah (al-Ta'liq 'ala al-'Uddah*, 34/17).
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyyat, Hamid Abdul Qadir dan Muhammad Ala al-Najjar (1976). *Al-Mu'jam al-Wasit (Cet. 2)*. Istanbul: Maktabah al-Islamiyyah.
- IKIM. (2024). Boikot dengan hikmah. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ismail, A. M, Subri, I. M., Baharuddin, A. S., Ab. Rahman, A. & Rosidi, M. H. (2024). The Role of Maqasid Al-Shariah in Contemporary Fatwa Formulation: A Balanced Approach. *Al-Qanātir International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 1-28.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2024). Garis panduan memboikot perniagaan.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2024, Januari 11). Taudhih al-Hukmi: Boikot menurut perspektif Islam. Mufti Selangor.
- Khalid bin Abdullah al-Syamrani (2005). *Al-Muqāta'ah al- Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha*. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi



- Khalid bin Abdullah al-Syamrani (2005). *Al-Muqata'ah al-Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha*. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi
- Laili, A., Fasa, M. I., & Ja'far, A. K. (2021). Analisis hukum ekonomi syari'ah terhadap pemboikotan produk Israel. *EKSYA: Jurnal Ekonomi Syariah*, 2(2), 152-171.
- Lubis, Z. (2023, November 22). Pemboikotan Quraisy terhadap Nabi Muhammad SAW. NU Online.
- Malay Mail. (2024, June 25). Economy Ministry: Boycott movement has less impact on economy, but affects workers slightly.
- Malay Mail. (2024, May 7). Muslim group says brands boycott over Gaza counterproductive, suggests buying out firms instead.
- Malaysiakini. (2023). Kempen boikot boleh lahirkan masyarakat kreatif, kata pensyarah.
- Malaysiakini. (2023). McDonald's Malaysia tuntutan RM6 juta dari penyokong kempen boikot.
- McDonald's Malaysia. (2023). Media statement by McDonald's Malaysia.
- Mingguan Wanita. (n.d.). Jangan boikot McDonald's Malaysia, nak buat tindakan kena bukti jelas bukan andaian semata-mata – Mufti.
- mStar. (2023). Staf McDonald's sedih pekerjaan dihina, dituduh subahat bunuh sesama Islam.
- mStar. (2023, Oktober 28). Pendapatan OKU terjejas, staf sambilan hilang kerja akibat gerakan boikot. mStar Online.
- Othman, S. S. (2023, November 16). Pentingnya boikot untuk melemahkan ekonomi Israel. USIM News.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2023). Bayan Linnas Siri 281: Boikot ekonomi sebagai strategi melawan Zionis – Nasihat dan panduan.
- Poo, C. (2025, January 13). Local consumer firms seize opportunity as boycott bites. The Edge Malaysia.
- Purbanto, H., & Hidayat, B. (2023). Systematic literature review: Penyalahgunaan narkoba di kalangan remaja dalam perspektif psikologi dan Islam. *Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan*, 20(1).
- Ridzwan, S., Ridzwan, S., & Anizah Zainuddin. (2024). Do Boycotts Harm Retail Workers? *International Journal of Advanced Research in Economics and Finance*.
- Rosidi, M. H. (2024). Facilitating Access to Art and Pre-exposure Prophylaxis for LGBTQ Individuals in Combating HIV in Malaysia: An Analysis from a Shariah Perspective. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, VIII(VIII), 4191-4202.
- Sahputra, D., Afifa, A., Salwa, A., Yudhistira, N., & Lingga, L. (2022). Dampak judi online terhadap kalangan remaja (Studi kasus Tebing Tinggi). *Islamic Counseling: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 6(2).
- Sahputra, D., Afifa, A., Salwa, A., Yudhistira, N., & Lingga, L. (2022). Dampak judi online terhadap kalangan remaja (Studi kasus Tebing Tinggi). *Islamic Counseling: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 6(2).
- Samudra, F., Zaman, A., & Mukti, D. (2024). Reviving the essence of jihad in the contemporary era: Advocating struggle and solidarity for Palestine through boycott of pro-Israel products. *MILRev: Metro Islamic Law Review*.
- Shamshiyev, O. (2024). Consumer boycotts and jurisprudential challenges related to identifying its legal cause ('İllah). *İlahiyat Tetkikleri Dergisi*.
- Sinar Harian. (2024, April 17). Impak boikot: Produk lokal lebih baik berbanding barangan import? Sinar Harian.



- Siregar, I., Maliki, D., & Nasution, F. (2024). Jihad Ekonomi Dalam Perspektif Hadis: Tinjauan Terhadap Gerakan Boikot Produk Israel Sebagai Dukungan Terhadap Palestina. MUQADDIMAH: *Jurnal Ekonomi, Manajemen, Akuntansi dan Bisnis*, 2(3), 181-192.
- Sulaiman bin al-Ruhayli, S. (2023). ما حكم مقاطعة مطاعم ماكدونالدز في بلاد المسلمين لدعم بعض فروعها لإسرائيل [Video]. YouTube.
- Sutrisno, A. (2024). International legal analysis of the boycott products suspected of supporting genocide. *IBLAM Law Review*, 4(1), 497–504.
- The Edge Malaysia. (2025, December 10). HLIB: Consumer trends shift to local fast-moving consumer goods as boycotts persist. The Edge Malaysia.
- The Star. (2024, June 1). Safety of employee’s priority says McDonald’s Malaysia in response to vandalism.
- Ulgen, O. (2020). Boycotts, funds, and class actions: Democratic imperative mechanisms against corporate complicity in human rights violations. *The Palestine Yearbook of International Law Online*.
- Yusuf Al-Qaradawi (2009). *Fiqh al-jihād fī al-Islām: Dirāsah muqāranah li-aḥkāmih wa falsafatih fī ḍaw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Vols. 1–2). Cairo, Egypt: Maktabah Wahbah.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2025). Perspektif syariah dan realiti semasa: Boikot McDonald's Malaysia? Maktabah Albakri Sdn Bhd.

** Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties’ rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*